


Gambar-gambar yang kita hidangkan di bawah ini menunjukkan perbuatan-perbuatan ganas dan kejam yang telah dilakukan oleh tentera-tentera Israel (Yahudi) terhadap bangsa Arab dan umat Islam



Sebahagian daripada penduduk-penduduk kota Baitul Maqdis yang diusir keluar oleh tentera-tentera Yahudi sedang menyeberangi Jambatan *Allenby* untuk memasuki sempadan negeri Jordan, mereka terpaksa keluar dari tanah tumpah darah mereka kerana tak tahan menanggung perbuatan-perbuatan kejam yang dilakukan oleh tentera-tentera Yahudi yang telah menguasai tanah air dan kampung halaman mereka. (Gambar dipetik daripada *Al-Nadwah*).



Inilah setengah daripada mangsa-mangsa bom api yang menunjukkan sifat keganasan dan kekejaman orang-orang Yahudi yang digururkan ke atas orang-orang awam yang tidak bedosa di Baitul Maqdis. (Gambar dipetik daripada *Al-Nadwah*).



*Al-Malik Hussein* – Raja bagi Jordan – dengan berpakaian tentera lengkap berada di medan hadapan sedang berucap kepada seluruh rakyat Arab supaya terus berjuang mempertahankan kehormatan kota suci Islam – Baitul Maqdis. (Gambar dipetik daripada *Al-Nadwah*).



Tentera-tentera darat Israel dengan mengangkat tangan menyerah diri kepada tentera-tentera Mesir di dalam suatu pertempuran sengit di kawasan Sinai. (Gambar dipetik daripada *Al-Nadwah*).